



## **KERAJAAN MALAYSIA**

---

### **SURAT PEKELILING AM BILANGAN 4 TAHUN 2013**

---

#### **KEMUDAHAN TAMBAHAN YANG DISEDIAKAN DI RUMAH PERANGINAN PERSEKUTUAN TASIK KENYIR**

**JABATAN PERDANA MENTERI  
MALAYSIA**

13 Mei 2013

Dikeliling kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Badan Berkanun Persekutuan

Ruj. Kami : BPH.D.100-2/14/4 JLD 2( 12 )

Tarikh : 13 Mei 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Badan Berkanun Persekutuan

---

**SURAT PEKELILING AM BIL 4 TAHUN 2013**

---

**KEMUDAHAN TAMBAHAN YANG DISEDIAKAN  
DI RUMAH PERANGINAN PERSEKUTUAN TASIK KENYIR**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling Am ini bertujuan memaklumkan mengenai kemudahan tambahan yang disediakan untuk tetamu Rumah Peranginan Persekutuan Tasik Kenyir (RPPTK), Pulau Sah Besar, Tasik Kenyir, 21700 Kuala Berang, Terengganu Darul Iman.

**2. PEMAKAIAN**

- 2.1 Maklumat dalam Surat Pekeliling ini adalah sebagai tambahan kepada Surat Pekeliling Am Peraturan Bagi Menggunakan Rumah Peranginan Persekutuan yang masih berkuat kuasa.

### 3. LATAR BELAKANG

3.1 Selain menguruskan RPPTK, Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (BPH) menyediakan kemudahan tambahan untuk tetamu yang menginap di RPPTK seperti berikut:

- (a) Perkhidmatan bot untuk pengangkutan;
- (b) Perkhidmatan bot untuk lawatan;
- (c) Perkhidmatan bot untuk aktiviti memancing;
- (d) Penyewaan kayak; dan
- (e) Penyewaan khemah.

### 4. KADAR HARGA

#### 4.1 PERKHIDMATAN BOT UNTUK PENGANGKUTAN

4.1.1 Perkhidmatan bot disediakan untuk pengangkutan pergi dan balik dari jeti di Pengkalan Gawi ke RPPTK di Pulau Sah Besar.

4.1.2 Kadar tambang bagi satu perjalanan pergi dan balik adalah seperti berikut:

KATEGORI	KADAR TAMBANG SEORANG
Dewasa	RM10.00*
Kanak-kanak (12 tahun ke bawah)	RM5.00*

Catatan:

\*Tertakluk kepada tambang minimum bagi satu perjalanan pergi dan balik sebanyak RM30.00.

Sekiranya bilangan penumpang tidak mencukupi bagi sesuatu perjalanan dan kadar tambang tidak mencapai tambang minimum, kadar tambang minimum (RM30.00) akan dikenakan kepada penumpang bagi perjalanan tersebut.

## 4.2 PERKHIDMATAN BOT UNTUK LAWATAN

4.2.1 Perkhidmatan bot bagi tujuan lawatan adalah seperti berikut:

Tempat Lawatan	Jarak	Kadar Tambang Seorang		
		Dewasa	Kanak-kanak	Tambang Minimum**
Taman Herba dan Air Terjun Saok	100 M 2 KM	RM5.00	RM3.00	RM30.00
Air Terjun Lasir	15 KM	RM15.00	RM10.00	RM50.00
Santuari Kelah*	25 KM	RM20.00	RM10.00	RM100.00

Catatan:

\* Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) mengenakan bayaran masuk ke Santuari Kelah. Bayaran tersebut tidak termasuk dalam bayaran yang dikenakan ini dan hendaklah ditanggung oleh tetamu.

\*\* Tertakluk kepada tambang minimum bagi satu perjalanan pergi dan balik sebanyak RM30.00. Sekiranya jumlah penumpang tidak mencukupi bagi sesuatu perjalanan dan kadar tambang tidak

mencapai tambang minimum, kadar tambang minimum (RM30.00) akan dikenakan kepada penumpang bagi perjalanan tersebut.

#### 4.3 PERKHIDMATAN BOT UNTUK AKTIVITI MEMANCING

4.3.1 Kadar tambang adalah seperti berikut:

Lokasi	Jarak	Kadar Bayaran	
		Seorang	Tambang Minimum*
Saok	2 KM	RM5.00	RM30.00

Catatan:

\*Tertakluk kepada tambang minimum bagi satu perjalanan pergi dan balik sebanyak RM30.00. Sekiranya jumlah penumpang tidak mencukupi bagi sesuatu perjalanan dan kadar tambang tidak mencapai tambang minimum, kadar tambang minimum (RM30.00) akan dikenakan kepada penumpang bagi perjalanan tersebut.

#### 4.4 PENYEWAAN KAYAK

4.4.1 Kadar sewa kemudahan kayak adalah seperti berikut:

Jenis Kayak	Kadar Sewa Seunit	
	30 minit	1 jam
Kayak 1 Tempat Duduk	RM3.00	RM5.00
Kayak 2 Tempat Duduk	RM5.00	RM10.00

## **4.5 PENYEWAAN KHEMAH**

4.5.1 Kadar sewa khemah adalah seperti berikut:

<b>Kapasiti Khemah</b>	<b>Kadar Sewa Seunit/Sehari</b>
2 orang	RM10.00
4 orang	RM15.00

## **5. KELAYAKAN**

5.1 Hanya tetamu yang menginap di RPPTK layak menggunakan kemudahan yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Am. Walau bagaimanapun kemudahan perkhidmatan bot di antara Pengkalan Gawi ke RPPTK dan kemudahan kayak dipanjangkan juga kepada pengunjung yang tidak menginap di RPPTK.

## **6. PERMOHONAN DAN BAYARAN**

6.1 Permohonan dan bayaran perkhidmatan bot dari Pengkalan Gawi ke RPPTK (pergi dan balik) hendaklah dibuat semasa tetamu membuat permohonan menginap.

6.2 Permohonan dan bayaran bagi kemudahan-kemudahan lain, termasuk perjalanan tambahan pergi dan balik dari RPPTK ke Pengkalan Gawi, hendaklah dibuat di RPPTK.

## **7. TARIKH KUAT KUASA**

7.1 Surat Pekeliling Am ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

## **8. PEMBATALAN**

8.1 Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Am ini, maka Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2007 bertarikh 26 Mac 2007 adalah dibatalkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA)**  
Ketua Setiausaha Negara